

Sinar 12/01/2010 M/S 17

Keselamatan, kebersihan Selangor membimbangkan

SHAH ALAM - Masyarakat berpendapat tahap keselamatan dan kebersihan negeri ini masih berada pada tahap membimbangkan memandangkan pelbagai keadaan yang tidak diinginkan terpapar di dada akhbar pada setiap hari.

Tinjauan Sinar Harian mendapati rata-rata masyarakat berpendapat bahawa pihak berkuasa dan orang ramai perlu menggembleng tenaga bersama-sama dalam memastikan perkara ini dapat dikawal dengan lebih baik.

Nor Aini Mohd Kamar, 23, berkata, dalam aspek kebersihan, masyarakat sering tidak ambil peduli terhadap undang-undang yang telah digariskan oleh pihak kerajaan.

Katanya, dari segi hukuman yang dikenakan, masyarakat hanya memandangkan 'sebelah




● AHMAD SYAHRIZAL MANSOR



● NOR AINI MOHD KAHAR



● NURHIDAYAH NOR MAT



● ZALILA MOHD AMIN

mata" terhadap undang-undang yang ditulis kerana mereka berasa yakin bahawa amaran-amaran yang diletakkan di papan tanda itu hanya sekadar amaran, tetapi tidak dilaksanakan.

"Cuba kita lihat Singapura, bersih dan amat susah untuk menemui sampah-sarap yang dibuang merata-rata. Justeru, rakyat di negara kita harus mencontohi kemajuan dan keselesaan yang dikecapi oleh penduduk di sana.

"Penguatkuasaan berkenaan dengan denda jika membuang sampah merata-rata harus ditekankan dan dijalankan supaya mereka sedar dan tahu bahawa melakukan kesalahan remeh seperti itu memberi kesan kepada semua individu," katanya.

Menyentuh mengenai aspek keselamatan, beliau berpendapat kesedaran di kalangan masyarakat sendiri kurang dan itu menjadi punca kepada berlakunya pelbagai jenayah di negara ini.

"Kadang-kadang sikap sambil lewa ibu-bapa berkenaan isu keselamatan ini harus dipandang serius. Jika mereka membiarkan anak-anak mereka bergerak sendiri tanpa melakukan kawalan, maka sikap dan perilaku anak-anak yang tidak mementingkan keselamatan diri sendiri bakal mengundang padah kepada mereka sekeluarga.

"Sebagai contoh, kerajaan telah menyediakan jejantas untuk kegunaan anak-anak untuk ke sekolah, tetapi mereka tetap enggan menurut saranan dan usaha baik yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan," katanya.

Sependapat dengan pandangan Nor Aini, Zalila Mohd

Amin, 33, berkata, perkara melibatkan keselamatan dan kebersihan tetap akan berlaku walau seberapa banyak duit dihabiskan oleh pihak berkuasa demi menjayakan kempen ini.

"Jika kita perhatikan kes ragut contohnya, terdapat ramai antara kita yang masih membawa beg dalam keadaan yang tidak selamat "Sebagai contoh semasa kereta berhenti di lampu isyarat, pada waktu ini peragut dengan mudahnya mengambil kesempatan yang terhidang di depan mata.

"Mengenai kebersihan pula, ia merupakan satu usaha yang agak sukar untuk dibendung kerana terdapat individu yang masih degil dan enggan membuang sampah di tempat yang disediakan. Sikap mementingkan diri dan mengambil mudah saranan pihak berkuasa akan merugikan diri mereka dan memberi kesan kepada individu lain," katanya.

Menyokong pendapat Zalila, Ahmad Syahrizal Mansor berkata, kes-kes yang terpampang di dada akhbar pada setiap hari tidak cukup untuk mendidik minda dan pemikiran masyarakat berkenaan dengan isu tersebut.

Menurutnya, sesetengah kawasan perumahan di negeri ini menjadi medan pembuangan sampah oleh masyarakat kerana kurangnya kesedaran dan keprihatinan mereka terhadap isu ini.

"Sikap prihatin dan bertolak ansur yang dipupuk sejak dari kecil sedikit sebanyak dapat mencerminkan keperibadian yang baik di kalangan individu dan akan melahirkan generasi yang berpandangan jauh serta

peka terhadap sekeliling.

"Mengenai aspek keselamatan, setiap jiran tetangga perlu mengambil tahu serba sedikit mengenai aktiviti yang dilakukan oleh jiran di sebelah rumah. Sebagai contoh, mengambil tahu sama ada mereka berada di rumah atau tidak. Hal ini kerana pada masa kini terdapat pelbagai helah yang digunakan oleh pihak-pihak tertentu untuk mengaut keuntungan secara salah dan menindas orang lain," katanya.

Sementara itu, Nurhidayah Nor Mat, 22, berkata, persekitaran negeri Selangor masih lagi tidak bersih dan banyak kawasan perumahan yang kotor dan dipenuhi sampah-sarap yang tidak dikutip.

"Kejadian-kejadian jenayah dan kualiti persekitaran yang tidak bersih menyumbang kepada pelbagai masalah sama ada dari segi keharmonian dan kesihatan masyarakat," katanya.

Menurutnya, kawasan-kawasan longkang yang tersumbat mendatangkan bau yang tidak menyenangkan sekali gus memberikan udara yang tidak sihat dan tidak selamat untuk dihirup oleh manusia.

"Dari segi keselamatan pula, keadaan jalan raya yang berlubang-lubang berpotensi mendedahkan pengguna kepada risiko kemalangan kerana ramai antara pemandu yang memandu tanpa mengetahui jalan tersebut berlubang terutama mereka yang memandu pada waktu malam.

"Pada hemat saya, dengan mengadakan sekatan jalan raya terutama pada tengah malam, kes-kes jenayah seperti ragut, pembunuhan, rompakan dapat dibendung sedikit demi sedikit," katanya.